

08 DEC 2000

AGONG RAI PARA MENTERI DAN DUTA BERBUKA PUASA

KUALA LUMPUR, 8 Dis (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah meraikan para Menteri Kabinet, duta asing serta pegawai kanan kerajaan pada majlis berbuka puasa di Istana Negara di sini, malam ini.

Turut hadir ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Tetamu lain termasuklah Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin, Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Tan Sri Kasitah Gaddam dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali.

Mereka diringi isteri masing-masing.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Abdul Aziz Shamsuddin.

Selepas berbuka, Seri Paduka berdua menunaikan solat Maghrib bersama para tetamu.

Seri Paduka berdua turut menunaikan solat Isyak dan Terawih bersama para jemputan.

-- BERNAMA

NHD AFY PR